

**MESYUARAT KEDUA (BELANJAWAN 2022)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KEEMPAT BELAS  
PADA HARI AHAD, 28 NOVEMBER 2021, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

- 1. DOA.**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
- 3. SOALAN LISAN**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)  
SOALAN 1 (A69)**

Apakah perkembangan terkini isu elaun imam yang baru dilantik sekitar satu tahun lepas, bilal dan noja masjid-masjid di Negeri Johor yang belum mendapat pembayaran elaun mereka?

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)  
SOALAN 2 (A116)**

Adakah perkembangan atau rancangan untuk melaksanakan pembayaran elektronik bas awam Negeri Johor?

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)  
SOALAN 3 (A65)**

Apakah tindakan kerajaan untuk mengeratkan perpaduan antara kaum?

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)  
SOALAN 4 (A73)**

Apakah usaha kerajaan negeri mempromosi pelancongan khususnya di Daerah Segamat yang mempunyai daya tarikan dalam bidang eko dan agro pelancongan?

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)  
SOALAN 5 (A79)**

Bagaimana kadar pelancongan dalam daerah Muar, sepanjang Fasa Pemulihan Negara 1 sehingga 4 dan cara-cara untuk meningkatkan di masa akan datang.

**YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)**  
**SOALAN 6 (A58)**

Apakah perancangan Tourism Johor bagi menjual produk pelancongan makanan dan kebudayaan seluruh negeri Johor untuk tahun 2022 terutama di daerah Batu Pahat.

**YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)**  
**SOALAN 7 (A83)**

Berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk tujuan memperbaiki sistem perparitan di taman-taman perumahan bawah seliaan MPK bagi kawasan Paloh? Sila nyatakan perincian lokasi pembaikian yang telah dilakukan tersebut berserta kos yang terlibat.

**YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)**  
**SOALAN 8 (A85)**

Apakah status pembaikpulihan padang awam Paloh yang terletak sebelah stesen minyak Petron Paloh? Apakah speksifikasi baik pulih, berapakah kos, apakah garis masa proses pembaikpulihan, bila dijangka siap dan siapakah kontraktor yang terlibat?

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)**  
**SOALAN 9 (A66)**

Hampir kesemua hospital kerajaan mengalami kesesakan, masa menunggu untuk berjumpa doktor adalah terlalu lama. Apakah rancangan untuk menangani masalah ini?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 10 (A13)**

Apakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membantu golongan petani kecil yang akan mengalami kesan terhadap penerimaan kadar air hujan yang lebih menjelang hujung tahun ini?

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)**  
**SOALAN 11 (A49)**

Pandemik Covid-19 telah menyebabkan pergantungan rakyat kepada capaian internet meningkat Berapa peratuskah peningkatan capaian internet terkini yang berjaya dilakukan di negeri Johor mengikut daerah jika dibandingkan sebelum pandemik berlaku?

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 12 (A107)**

Minta dinyatakan senarai jaringan internet dalam DUN Parit Raja serta apa langkah atau infinitif bagi kawasan DUN Parit Raja yang mengalami pertambahan atau kepadatan penduduk?

**YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)**  
**SOALAN 13 (A59)**

Apakah perancangan Kerajaan negeri bagi memastikan fasiliti bangunan dan peralatan di klinik kesihatan dan poliklinik serta klinik desa sentiasa berada dalam keadaan yang memuaskan dan selamat dalam sola keselamatan?

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)**  
**SOALAN 14 (A48)**

Terdapat pemaju yang tidak prihatin apabila projek yang dijalankan menjelaskan penduduk berdekatan projek mereka. Sebagai contoh pembangunan di Lot 130 GM 1091 Mukim Kluang bersebelahan Taman Seri Damai. Mohon penjelasan mengapa penguatkuasaan sangat lemah apabila berkaitan dengan pemaju?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**  
**SOALAN 15 (A154)**

Berapakah syarikat Industri Kecil Sederhana (IKS) berhenti operasi dan pekerja IKS yang hilang kerja bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**  
**SOALAN 16 (A171)**

Apakah rancangan kerajaan untuk menambah baik laluan masuk ke Jalan Parit Kangkung yang tidak mempunyai penghadang jalan, serta aliran parit yang tidak sempurna di belakang SJKC Chern Hwa, Bukit Pasir?

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 17 (A141)**

Bagaimana Kerajaan Negeri boleh membantu untuk menyelenggarakan atau menaik taraf kemudahan awam seperti padang, gelanggang sukan dan dewan serba guna di kawasan pentadbiran rancangan Felda.

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)**  
**SOALAN 18 (A96)**

Apakah persediaan dan perancangan kerajaan bagi menyelesaikan masalah banjir yang berlaku di Batu 4 Jalan Ayer Hitam dan Sungai Sedi?

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)**  
**SOALAN 19 (A161)**

Apakah status terkini untuk projek menaik taraf di tapak Hutan Bandar MBJB?

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2022) TAHUN 2021**

- 4.1 Ucapan Penggulungan YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna.
- 4.2 Ucapan Penggulungan YAB Menteri Besar Johor.

**5. RUNDINGAN / RANG UNDANG-UNDANG -**

- 5.1 Enakmen Perbekalan (2022) Tahun 2021.
- 5.2 Rundingan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2022.
- 5.3 Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2021.
- 5.4 Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan (Pindaan) 2021.
- 5.5 Enakmen Majlis Bandaraya Pasir Gudang 2021.
- 5.6 Rundingan Berkenaan Dengan Cadangan Membenarkan ADUN\_ADUN Blok Pembangkang untuk Mengambil Bahagian Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JPTD) Di Bawah Peraturan Tetap Fasal 30(2) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor.
- 5.7 Rundingan Berkenaan Dengan Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Di Bawah Dewan Negeri Johor Bagi Menjalankan Kajian Dan Mengemukakan Cadangan Ke Atas Kesan Penambahan Bilangan Pengundi Berdaftar Ekoran Dari Pelaksanaan Pengundi 18 Tahun Dan Pendaftaran Pengundi Secara Automatik Di Bawah Peraturan Tetap Fasal 30(2) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor.

**Persidangan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.**